



13 Februari - PUTRAJAYA : Sekolah tahfiz berdaftar di seluruh negara boleh membuat permohonan peruntukan bagi menaik taraf dan menyelenggara premis masing-masing bermula Mac ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof berkata, tahun ini kerajaan memperuntukkan sebanyak RM50 juta kepada sekolah tahfiz berdaftar di seluruh negara.

Beliau berkata setakat ini, sebanyak 815 sekolah tahfiz berdaftar direkodkan membabitkan seramai 47,474 pelajar.

Katanya, peruntukan itu adalah untuk digunakan bagi tujuan keselamatan; penyelenggaraan, naik taraf bangunan dan infrastruktur asas; alat bantu mengajar; perabot dan sistem pengurusan institusi.

Beliau menjelaskan kriteria institusi yang layak menerima bantuan itu adalah yang menjalankan pengajian secara formal (pagi hingga petang) dan melaksanakan kurikulum kebangsaan dan agama.

"Selain itu, institusi berkenaan juga mestilah berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri; pemilik institusi warganegara Malaysia; institusi menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama dan penama akaun institusi bukan penama individu.

"Institusi itu juga hendaklah sedang beroperasi pada tahun semasa; mempunyai lebih daripada 15 pelajar; maklumat institusi telah direkod dalam Sistem Maklumat Pendidikan kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi yang dicadangkan oleh pengurusan tertinggi JAKIM," katanya pada sidang media sempena Majlis Penyerahan Cek Kepada Sekolah Tahfiz Berdaftar di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng menyerahkan cek bernilai RM50 juta dari Kementerian Kewangan kepada Mujahid.

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh.

Mujahid menjelaskan syarat permohonan itu termasuk borang permohonan perlu dikemukakan pada Mac ini selain jumlah permohonan bagi sesebuah institusi tidak melebihi RM250,000.

"Semua permohonan mestilah diselaraskan oleh pihak berkuasa agama negeri dalam tempoh masa yang ditetapkan dan permohonan yang tidak lengkap atau di luar skop projek tidak akan dipertimbangkan.

“Jumlah peruntukan yang diberikan tertakluk kepada kelulusan dan pertimbangan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) di bawah JAKIM.

“Biasanya tempoh masa untuk menyelesaikan proses permohonan ini mengambil masa kira-kira tiga bulan dan sekiranya segala maklumat berkaitan institusi lengkap, peruntukan akan disalurkan. Kita harap menjelang Oktober semua peruntukan dapat disalurkan,” katanya.

Ditanya sama ada sekolah tahfiz di negeri ditadbir pembangkang akan turut mendapat peruntukan, beliau berkata peruntukan itu adalah untuk semua yang menepati kelayakan yang mana sekolah tahfiz itu juga mestilah tiada unsur kepartian seperti dimiliki oleh mana-mana parti politik.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata penyaluran peruntukan itu membuktikan kerajaan komited memberi bantuan kepada semua jenis sekolah secara inklusif supaya kebajikan dan hal ehwal pelajar terus terpelihara.

“Kerajaan akan menyalurkan dana kepada sekolah tahfiz dengan syarat ia berdaftar dan tidak dimiliki oleh parti politik selaras matlamat kerajaan untuk memisahkan pendidikan daripada pengaruh politik,” katanya.

.....